



#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

42
Hari

14
Jam

15
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

Malaysia letak syarat pembangunan vaksin dalam rundingan pembelian

Oleh [Rohaniza Idris](#), [Lugman Ariff Abd Karim dan Ahmad Suhael Adnan](#) - Februari 16, 2021 @ 12:43pm
bhnews@bh.com.my



Kerajaan sedang dalam rundingan dengan Russia bagi tujuan R&D dan penghasilan vaksin Sputnik V di Malaysia. - Foto NSTP

KUALA LUMPUR: Kerajaan dalam rundingan pembelian vaksin COVID-19, memasukkan elemen nilai tambah bagi membolehkan Malaysia membangunkan kapasiti pembangunan vaksin dalam negara.

Langkah itu kerana pada masa kini negara tidak mempunyai kapasiti dan fasiliti lengkap bagi pembuatan vaksin.

Sebagai contoh, kerajaan menandatangani dokumen helaian terma perjanjian bersama syarikat Pharmaniaga Lifescience Sdn Bhd dan Solution Biologics Sdn Bhd bagi mengilang vaksin COVID-19 secara fill and finish (pemindahan teknologi, logistik, cold chain), iaitu proses akhir pengisian vaksin ke dalam bebuli sebelum diedarkan.

Menerusi langkah itu, vaksin Sinovac dan CanSinoBio akan dibeli secara pukal dan proses pengilangan akan dilaksanakan di negara ini seterusnya mempercepatkan penerimaan bekalan vaksin

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 10m [Ramai pendidik mahir, kreatif mengajar - PM](#)
- 13m [Pinjam along beli telefon pintar untuk anak belajar](#)
- 14m [DIDIK TV KPM disasar jadi platform perkasa budaya ilmu](#)
- 31m ['Belum boleh laksana PdPR dalam talian sepenuhnya'](#)
- 36m [PBB beri amaran ketegangan meningkat di Iraq](#)
- 38m [Program DIDIK TV KPM ikut kurikulum](#)
- 54m [DIDIK TV KPM bantu PdPR - PM](#)
- 1h [AS, Britain kutuk tuduhan tentera Myanmar terhadap Suu Kyi](#)



TRENDING

mempercepatkan pertumbuhan ekonomi.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Program imunisasi penting untuk pulih ekonomi
- NPRA luluskan vaksin COVID-19 yang selamat
- Diplomasi sains permudah Malaysia perangi wabak
- Kerajaan lulus pendaftaran bersyarat vaksin COVID-19 Pfizer

Pada masa sama, kerajaan sedang berunding dengan Russia bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan penghasilan vaksin Sputnik V di Malaysia, sekali gus menambah jumlah dos dan mempercepatkan penerimaan vaksin.

Kerajaan juga menandatangani perjanjian dengan Gabungan Inovasi Persediaan Epidemik (CEPI) bagi membolehkan Malaysia mengakses R&D vaksin, pemindahan teknologi dan kepakaran baharu kepada penyelidik tempatan.



NASIONAL 10 jam yang lepas

Muhyiddin tuntutan Puad Zarkashi mohon maaf, ganti rugi RM10 juta



KES 10 jam yang lepas

Polis buru pengasas produk kecantikan cium bibir kanak-kanak



BOLA Feb 16, 2021 @ 8:17pm

Harta Maradona kena 'rembat'



NASIONAL Feb 16, 2021 @ 3:29pm

KWSP akui ada transaksi tidak sah i-Lestari



NASIONAL Feb 15, 2021 @ 4:10pm


Ustaz Azhar kini penternak dhab

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sudah membiayai R&D vaksin tempatan bagi penyakit berkenaan menerusi Dana Menangani COVID-19 MCCOF kepada dua kumpulan penyelidik dari Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia.

Malaysia juga menjadi negara pertama di luar China untuk menjalani ujian klinikal bagi penghasilan vaksin buatan Institut Biologi Perubatan Akademik Sains Perubatan China (IMBCAMS) membabitkan 3,000 sukarelawan.

Kerajaan melalui Majlis Sains Negara pada mesyuarat Julai tahun lalu bersetuju Roadmap Pembangunan Vaksin Negara dibentuk sebagai pelan jangka masa panjang untuk Malaysia mengeluarkan vaksin buatan tempatan pada masa depan.





Bagi pengeluaran vaksin, aspek penting dinilai kerajaan adalah Amalan Perkilangan Baik (APB) bagi memastikan produk yang dihasilkan berkualiti mengikut piawaian dan meminimumkan risiko yang mungkin wujud dalam aktiviti pengeluaran.

Pada masa sama, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) mematuhi semua bimbingan dan garis panduan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan International Council for Harmonization of Technical Requirements for Pharmaceuticals for Human Use (ICH).

Penilaian NPRA itu mengambil kira aspek kualiti membabitkan pengawalan bahan mentah dan proses pengilangan supaya agar produk mengikut spesifikasi.

Untuk keselamatan, NPRA memastikan ia bukan saja efektif dalam memberi perlindungan tetapi kemungkinan kesan sampingan lain.

NPRA turut berperanan memastikan kebaikan produk diterima adalah melebihi risiko kesan sampingan yang diketahui.

Untuk keberkesanan vaksin, NPRA menilai aspek penghasilan antibodi yang mencukupi bagi melawan jangkitan dan keberkesanan vaksin dalam memberi perlindungan daripada jangkitan.

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Feb 6, 2021 @ 3:11pm

Vaksin: Keyakinan 67 peratus tidak mencukupi



KOLUMNIS Feb 16, 2021 @ 11:00am

Kejayaan vaksinasi 'kunci' penyelamat nyawa, ekonomi



MINDA PEMBACA Jan 1, 2021 @ 1:00pm

**Ketetapan muzakarah isu vaksin
wajar dipatuhi**

NASIONAL Jan 4, 2021 @ 4:02pm

**Vaksin COVID-19 selamat -
MOSTI**



IKUTI KAMI DI:



BERITA

BHPLUS

Nasional

Kes

Politik

Pendidikan

Wilayah

SUKAN

DUNIA

HIBURAN

BISNES

RENCANA

WANITA

HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA

Foto

BHTV

Infografik

LANGGAN

Akhbar Digital

Akhbar BH

PERKHIDMATAN

Iklan Web

1Klassifieds

NSTP KLiK